



PEJABAT KETUA PENDAFTAR
Office of the Chief Registrar
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
Federal Court of Malaysia
ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8880 3500

Faks : 03-8880 3886

Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : PKPMP.PKP.600-1/4/1

Tarikh : 14 November 2018

Hakim Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia

Majistret
Mahkamah Majistret
Seluruh Malaysia

Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Rendah
Seluruh Malaysia

Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah
Seluruh Malaysia

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEKELILING KETUA PENDAFTAR BIL. 2 TAHUN 2018 PENETAPAN KES SIVIL DI MAHKAMAH RENDAH

Setelah berunding dengan YAA Hakim Besar Malaya dan YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak, YAA Ketua Hakim Negara dengan ini mengeluarkan arahan yang berikut bagi penetapan kes sivil di Mahkamah Rendah.

2. Pekeliling ini hendaklah terpakai di Mahkamah Rendah seluruh Malaysia.

PENETAPAN KES SIVIL BAGI MAHKAMAH RENDAH

3. Selaras dengan Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 2010 [Akta A1382] penetapan bidang kuasa sivil bagi Mahkamah Rendah adalah seperti yang berikut:

- (a) Kes sivil di Mahkamah Sesyen melibatkan tuntutan RM100,001.00 sehingga RM1,000,000.00 dan permohonan bagi relif injunksi atau perisytiharan; dan
- (b) Kes sivil di Mahkamah Majistret melibatkan tuntutan tidak melebihi RM100,000.00.

4. Semua kes sivil di bawah bidang kuasa Mahkamah Sesyen boleh didengar oleh Hakim Mahkamah Sesyen pelbagai gred, kecuali tindakan yang melibatkan tuntutan fitnah, kecuaiian profesional, siber dan pembinaan.

5. Kes-kes melibatkan tuntutan fitnah, kecuaiian profesional, siber dan pembinaan hendaklah didaftarkan di Mahkamah di mana Hakim Mahkamah Sesyen Gred JUSA ditempatkan dan didengar oleh Hakim Mahkamah Sesyen tersebut.

PENGGELASAN KOD PENDAFTARAN

6. Pendaftaran kes sivil di Mahkamah Rendah hendaklah menggunakan kod sebagaimana yang dinyatakan dalam Arahan Amalan Bil 7 Tahun 2013 bertajuk "Tambahan dan Pindaan kepada Arahan Amalan Bil. 6 Tahun 2013 mengenai Pengkelasan Kod bagi Kes-Kes Di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret Seluruh Malaysia" dan apa-apa pindaan yang dibuat terhadapnya, jika ada.

7. Pekeliling dan Arahan Amalan sedia ada berkenaan dengan pengkelasan kod adalah terpakai.

PEMBATALAN PEKELILING KETUA PENDAFTAR BIL. 1 TAHUN 2013

8. Pekeliling Ketua Pendaftar Bil. 1 Tahun 2013 bertajuk "Penetapan Kes-kes Sivil di Mahkamah Rendah Selepas Berkuat Kuasanya Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 2010 [Akta A1382]" dengan ini dibatalkan.

PERMULAAN KUAT KUASA

9. Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' SRI LATIFAH BINTI HAJI MOHD TAHAR)

Ketua Pendaftar

Mahkamah Persekutuan Malaysia

Istana Kehakiman

PUTRAJAYA

Salinan kepada:

YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Timbalan Ketua Pendaftar (Polisi)
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Timbalan Ketua Pendaftar (Operasi)
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Kompleks Mahkamah Kuching
SARAWAK

Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak
Kompleks Mahkamah Kuching
SARAWAK

Pengarah Bahagian Dasar dan Perundangan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pengarah Bahagian Pengurusan
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pengarah Bahagian e-Kehakiman
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Timbalan Pendaftar dan Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi
SELURUH MALAYSIA